

Terma & Syarat:

1. BESTA MART memberi waranti produk ini terhadap sebarang kerosakan yang berpunca daripada kecacatan pembuatan selama 12 bulan dari tarikh pembelian.
2. Besta Mart HANYA memberi waranti terhadap produk di negara pembelian sahaja, iaitu jika anda membeli produk di Malaysia, waranti itu hanya dilindungi di Malaysia tetapi tidak di luar daripada Malaysia (seperti China, Singapura, Taiwan, dan lain-lain ..)! . Semua produk Besta tidak membawa waranti antarabangsa.
3. Perkhidmatan pembaikan untuk produk yang dibeli dari luar negara ada disediakan tetapi dikenakan kos penyelenggaraan dan perkhidmatan yang tertentu dan juga tertakluk kepada tersediaannya stok alat-ganti yang terlibat. Perkhidmatan mungkin mengambil masa yang lebih lama, sebab ianya tertakluk pada sekatan pengimport alat ganti yang terlibat dari luar negara.
4. Waranti ini tidak meliputi kehilangan aksesori atau bahagian luar produk, melainkan jika sesuatu tuntutan dibuat dalam tempoh 3 hari dari tarikh pembelian.
5. Waranti ini tidak meliputi kerosakan yang berpunca daripada kerosakan biasa. Bahagian seperti getah papan kekunci, panel sentuhan dan lain-lain semestinya memerlukan penggantian secara berkala.
6. Waranti tersebut adalah tidak sah sekiranya produk ini telah 'dibaiki' oleh orang yang tidak disetujui/diluluskan oleh BESTA MART.
7. Waranti tidak merangkumi kegagalan produk yang disebabkan oleh ujian yang tidak betul, demonstrasi, penyelenggaraan, pemasangan, penyesuaian atau apa-apa jenis pengubahan atau pengubahsuaian ke atas produk.
8. Kami tidak bertanggungjawab atas kehilangan data. Sila pastikan semua data dan rekod termasuk apa-apa data peribadi atau data sulit pengguna telah membuat salinan penuh sebelum ia diserahkan kepada Besta Mart untuk diperbaiki.
9. Semua data mungkin akan hilang pada sesuatu keadaan yang tertentu tetapi tidak dijangka. Besta Mart tidak akan bertanggungjawab terhadap kebocoran data-data atau data peribadi apabila/ dalam/ selepas penghantaran produk untuk perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaran.

10. Tempoh Waranti:

- 12 bulan - Sistem firmware
- 3 bulan - Aksesori (adaptor, bateri boleh dicas semula)
- Tiada warranty- Pen stylus, fon telinga, kabel USB, dompet, pelindung skrin, hadiah percuma

11. Waranti tidak meliputi kerosakan akibat daripada:

- Kejatuhan yang tidak sengaja, pengendalian yang kasar, kecuaian manusia yang dilakukan, kerosakan fizikal (pecahnya LCD, skrin sentuhan & tutup pelindung)
- Kerosakan kosmetik (leluk, retak, calar & lain-lain)
- Kecacatan atau kerosakan yang dialami kekerasan atau objek yang berlebihan apabila menekan.
- Pendedahan kepada keadaan yang lembap, suhu yang melampau
- Kakisan cecair (kebocoran alkali bateri)
- Bahan yang tercemar, berkarat, tumpahan makanan & cecair
- Tumpahan cecair makanan / sisa pemadam / mata pensil
- Diserangi oleh mana-mana serangga (semut atau kutu)
- Pembekalan kuasa yang tidak normal dan voltan yang tidak sesuai, letupan
- Kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, gempabumi, letupan, banjir, asap atau pencemaran air dan bencana alam yang di luar angkaran.
- Apa-apa peralatan sampingan atau perisian tidak sesuai atau diluluskan oleh Besta Mart menyebabkan masalah atau kerosakan.

12. Waranti tidak sah untuk yang berikut:

- Nombor siri, tarikh pembelian, kad jaminan / pelekat pada produk telah diubah, ditanggalkan atau dirosakkan dalam apa-apa cara sekalipun.
- Kami tidak bertanggungjawab dengan secara langsung atau tidak langsung atas kerugian kewangan produk tersebut.
- Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian sampingan daripada kes-kes pecah rumah dan penipuan.
- Kami tidak menyediakan khidmat dari rumah ke rumah. Sila hubungi talian Pusat Khidmat Pelanggan.
- Kami mempunyai hak untuk menambah, memotong atau meminda terma-terma & syarat-syarat pada bila-bila masa dengan tanpa notis terlebih dahulu.